

Kearifan dan konsep rekaan kraf anyaman warisan dusun tindal di Sabah

ABSTRACT

Anyaman ialah hasil seni kraf tangan yang memaparkan bahan alam semula jadi yang mewujudkan bahan utiliti melalui kearifan ciptaan manusia. Kraf anyaman etnik Dusun Tindal, iaitu fokus penulisan artikel ini mempunyai kesenian dan nilai keindahan tersendiri melalui rekaan motif dan corak yang dihasilkan. Setiap motif dan corak telah diolah selaras dengan fungsinya, iaitu sebagai bahan utiliti dalam aktiviti seharian mereka. Kajian yang berasaskan kerja lapangan ini mengumpul dan menganalisis reka bentuk motif anyaman yang dikaitkan dengan signifikan warisan kearifan masyarakat etnik Dusun Tindal di daerah Kota Belud, Sabah. Hasil analisis mendapati kraf anyaman etnik Dusun Tindal mempunyai perkaitan rapat dengan pemikiran tukang krafnya dan mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan etnik Dusun Tindal di Kota Belud. Reka bentuk dan motif anyaman tradisional dapat mencerminkan identiti budaya yang menonjolkan kesenian etnik Dusun Tindal yang diturunkan sejak zaman berzaman. Reka bentuk dan motif anyaman turut menjadi identiti warisan kearifan yang berkonsepkan geometri dan keseimbangan simetri. Hasil penyelidikan ini memaparkan keistimewaan rekaan kraf anyaman tradisi etnik Dusun Tindal berdasarkan konsep kearifan dan rekaannya